




C Pilih Jawapan yang paling sesuai.

1. Daniel dan Danish ialah adik-beradik. _____ selalu belajar bersama-sama.

- A Kalian B Kita
C Kami D Mereka

2. "Sekiranya _____ ada masalah, sila jumpa saya di bilik guru," kata Cikgu Sarah kepada Yusri.

- A engkau B kamu
C awak D dia



3. "Mengapakah cikgu hendak berjumpa _____ di pejabat?" tanya Johnny kepada Kok Bin.


- A aku B patik
C hamba D dia

4. Sandy murid tahun lima. _____ berazam untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.

- A Dia B Anda
C Baginda D Beliau

5. "_____ akan melaksanakan segala perintah* _____," kata Pak Karim kepada Sultan Muzafar Syah.

- A Patik...kamu
B Beta...baginda
C Patik...tuanku
D Saya...awak



6. "_____ mesti menghadiri latihan bola keranjang pada petang esok," kata jurulatih kepada pemain-pemain bola keranjang sekolah.

- A Kami B Kita
C Mereka D Kalian

7. _____ dikejarkan ke hospital dengan serta-merta kerana mengalami masalah kesesakan nafas*.

- A Dia B Engkau
C Kita D Patik

8. "Terima kasih kepada _____ kerana menonton rancangan persembahan TV3," ucap juruacara itu kepada para penonton.

- A patik B awak
C anda D kamu



9. Jun Lun dan Ziang Xiang ialah kawan baik. _____ sedang mengayuh basikal di taman.

- A Kalian
B Mereka
C Kami
D Kita